

## Kempen eIFD-i FY2024

### Terma & Syarat

#### 1. Tempoh Kempen

Terma dan Syarat ini akan mentadbir “Kempen eIFD-i Pertengahan Tahun FY2024” (“Kempen”) bermula pada **20 May 2024 sehingga 21 Jun 2024** atau apabila mencapai sasaran Kempen seperti yang ditetapkan oleh **Maybank Islamic Berhad (200701029411)** (dirujuk sebagai “Bank”), yang mana lebih awal. (“**Tempoh Kempen**”).

#### 2. Kelayakan

**2.1** Kempen ini terbuka kepada semua peletakan e-Islamic Fixed Deposit-i (“eIFD-i”) oleh pelanggan baharu dan sedia ada dalam **Tempoh Kempen** (“**Pelanggan Yang Layak**”).

**2.2** Pelanggan Yang Layak mestilah mempunyai Akaun Semasa dan/atau Akaun Simpanan Konvensional/Patuhan Syariah dan/atau akaun Daily Fund-i yang dibuka dan dikekalkan di mana-mana cawangan Maybank/Maybank Islamic.

**2.3** Untuk tujuan Kempen ini, semua peletakan eIFD-i mesti dibuat melalui saluran berikut:

Saluran	Butiran
Atas talian di laman sesawang <a href="http://www.maybank2u.com">www.maybank2u.com</a> Melalui FPX sahaja	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mesti mempunyai Akaun Patuh Syariah/ Konvensional Semasa dan / atau Simpanan / Daily Fund-i</li> <li>Hanya terbuka untuk Dana Baru</li> </ul>

**2.4** Hanya peletakan baharu dan sedia ada dalam **Tempoh Kempen** yang memenuhi pembahagian dan jumlah peletakan yang ditetapkan dalam klausula 3 di bawah layak untuk menyertai Kempen ini.

*\*Nota: Untuk tujuan Kempen ini,*

1. *Dana Baharu bermaksud dana-dana dari bank-bank lain yang baru dipindahkan ke dalam akaun Pelanggan yang diletakkan di Maybank/ Maybank Islamic Berhad.*
2. *Pelanjutan /Pusingan bermaksud pembaharuan kepada deposit sedia ada untuk tarikh matang berikutnya*

*Maybank Islamic Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).*

*Perlindungan PIDM tertakluk pada kriteria yang boleh diinsuranskan. Sila rujuk senarai deposit yang iinsuranskan melalui [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) untuk maklumat lanjut.*

#### 3. Mekanism Kempen

**3.1** Kriteria-kriteria pembahagian dan jumlah untuk peletakan eIFD-i yang layak adalah seperti berikut:

KELAYAKAN	PELETAKAN MINIMUM	PELETAKAN MAKSIMUM	SALURAN
Individu	RM1,000 melalui FPX	RM15.0 juta setiap pelanggan	Atas talian di laman sesawang <a href="http://www.maybank2u.com">www.maybank2u.com</a> Melalui FPX sahaja

3.2 Butiran kadar kempen (“Kadar Kempen”) mengikut tempoh adalah seperti berikut:

TEMPOH (BULAN)	Kadar Kempen (% setahun) (melalui FPX/Dana Baharu)
3	3.55
9	3.70

Nota:

- i) Kadar Kempen boleh ditukar dengan sejawarnya mengikut pertukaran Kadar Dasar Semalam (Overnight Policy Rate, OPR) yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), jika ada semasa Tempoh Kempen.
- ii) Pelanjutan Automatik tidak layak untuk kadar kempen ini disebabkan olehkekangan sistem.
- iii) Pertukaran Proses Kewangan (“FPX”) ialah laman web pembayaran dalam talian yang memudahkan pemindahan dana secara langsung antara bank-bank yang mengambil bahagian, menggunakan simpanan pelanggan, akaun semasa dan/atau Daily Fund-i. Perkhidmatan FPX di-anjurkan oleh Payment Network Malaysia (Paynet) yang dahulunya dikenali sebagai Malaysian Electronic Clearing Corporation (MyClear), anak syarikat milik penuh Bank Negara Malaysia.  
*Untuk butiran lanjut, sila rujuk [www.paynet.my/](http://www.paynet.my/)*
- iv) Untuk Bank had maksimum untuk setiap transaksi ialah RM30,000 dengan had maksimum RM50,000 sehari.

3.3 Kadar Kempen di atas hanya sah semasa Tempoh Kempen.

3.4 Apabila eIFD-i mencapai tarikh matang, kadar keuntungan akan ditukar kepada Kadar Asas Semasa Patuh Syariah/Konvensional untuk sebarang pembaharuan. Sila layari [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) untuk melihat Kadar Asas semasa dan peraturan-peraturan yang terbaru mengenai pengeluaran sebelum tempoh matang untuk Islamic Term Deposit dan Term Fund-i.

#### 4. Terma dan Syarat Khusus

- 4.1 Pelanggan Yang Layak dikehendaki untuk mempunyai Akaun Patuh Syariah /Akaun Konvensional Semasa/atau Simpanan / Daily Fund-i. Pelanggan yang tidak mempunyai akaun tersebut hendaklah membuka Akaun Patuh Syariah /Akaun Konvensional Semasa/atau Simpanan / Daily Fund-i untuk menyertai kempen ini.
- 4.2 Keuntungan akan dikreditkan ke dalam akaun Patuh Syariah /Akaun Konvensional Semasa/atau Simpanan / Daily Fund-i pada tarikh matang deposit.
- 4.3 Sebarang pengeluaran awal dana sebelum tarikh matang deposit akan tertakluk pada terma -terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat Umum Akaun Deposit Bagi Perbankan Islam (Akaun Patuh Syariah)
- 4.4 Peletakan eIFD-i melalui FPX akan diproses dengan serta-merta selepas pendebitan dan pengkreditan dana berjaya. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kelewatan atau transaksi yang tidak

berjaya (jika ada) dan dana akan dikembalikan oleh bank-bank yang berkenaan dalam masa tiga (3) hari bekerja. Tarikh kuat kuasa peletakan eIFD-i akan bermula selepas proses tersebut berjaya.

- 4.5 Hanya Pelanggan yang Layak yang mempunyai Akaun eIFD-i sedia ada sahaja dibenarkan membuat peletakan eIFD-i dibawah Kempen ini. Untuk Akaun eIFD-i yang baharu dibuka, FPX tidak boleh digunakan.
- 4.6 Kempen eIFD-i FY2023 terbuka kepada Pelanggan Yang Layak untuk peletakan yang dibuat melalui Maybank2u antara jam 6.00 pagi dan 10.00 malam, tujuh (7) hari seminggu, atau pada waktu yang ditetapkan oleh Bank, yang mana lebih awal sepanjang Tempoh Kempen.

## 5 Terma Dan Syarat Umum

- 5.1 Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Bank .
- 5.2 Bank berhak menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari (“hari” hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalender) notis terlebih dahulu, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat ten-tang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.
- 5.3 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.
- 5.4 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberikan kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut pernyataan privasi Maybank yang boleh didapati di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) (“Bank’s Privacy Statement”) dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjelaskan terma dalam Maybank Privacy Statement dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

- a) tujuan Kempen; dan
- b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan.

Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerja sama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen.

\*Nota: "PDPA" merujuk kepada Personal Data Protection Act (2010) (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010).

- 5.5 Bank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Bank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungan terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul daripada atau yang berhubung dengan Kempen ini melainkan disebabkan oleh apa-apa kecuaian atau peninggalan melampau oleh Bank.
- 5.6 Bank tidak akan bertanggungan bagi apa-apa kegagalan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan wa- lau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Bank.
- 5.7 Bank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen.
- 5.8 Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Bank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Bank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my).